

"MASA yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang sia-sia. Oleh itu sesiapa antara kamu yang berada dalam bulan Ramadan (atau mengetahuinya) maka hendaklah dia berpuasa, dan sesiapa yang sakit atau sedang dalam perjalanan (atau pelayaran dalam bulan Ramadan itu bolehlah dia berbuka) maka wajiblah dia berpuasa pada hari-hari yang lain (sebagai ganti puasa yang ditinggalkan itu). Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan dan tidak menghendaki kamu menanggung kesusahan. Hendaklah kamu mencukupkan bilangan (puasa Ramadan) itu dan mengagungkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya dan supaya kamu bersyukur".
 - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 185.

WAKTU SEMBAHYANG | ISMAK 4.59 | SUBUH 5.09 | SYURUK 6.26 | DUHA 6.48 | ZUHUR 12.30 | ASAR 3.39 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.40 | Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 | BILANGAN 33 | 18 MAC 2023 / 1444 شعبان 25 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

UBD JUARA PIALA CANCELOR 2022



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa hadir menyempurnakan penyampaian hadiah pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Piala Canselor 2022 yang diadakan di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

JERUDONG, Sabtu, 18 Mac. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) berjaya menjulang Piala Canselor 2022 setelah memperoleh 36 pingat keseluruhan menewaskan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).
 Dengan kemenangan tersebut, UBD yang meraih 16 pingat emas, sembilan pingat perak dan 11 pingat gangsa, turut menerima hadiah wang tunai berjumlah BND1,500.
 Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Piala Canselor 2022 diadakan di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and

Riding Club dan hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaziah binti Haji Md. Salleh.
 UNISSA muncul naib johan dengan mengumpul 26 pingat iaitu 15 pingat emas, tujuh pingat perak dan empat pingat gangsa, sekali gus menerima hadiah wang tunai berjumlah BND1,200.
 Manakala tempat ketiga dimenangi oleh UTB menerima hadiah wang tunai BND900, dengan berjaya meraih 38 pingat keseluruhan iaitu 10 pingat emas, 15 pingat perak dan 13 pingat gangsa.

Acara juga menyaksikan tayangan multimedia dan Persembahan Piala Canselor 2022 oleh institusi-institusi yang menyertainya yang dibahagikan kepada tiga segmen iaitu persembahan keagamaan, sukan dan kebudayaan.
 Dalam segmen keagamaan, KUPU SB mempersembahkan tausiyah manakala UNISSA mempersembahkan hadrah.
 Sementara itu, UTB pula memberikan demonstrasi Tarik Kalat dan Badminton dalam segmen sukan dan KUPU SB pula mempersembahkan Gulintangan dan Pidato bagi segmen kebudayaan.
 Majlis diakhiri dengan pengumuman tuan rumah bagi Piala Canselor 2024 iaitu UBD dan seterusnya penyerahan Bendera Piala Canselor yang disempurnakan oleh Naib Canselor UTB kepada Naib Canselor UBD.

Piala Canselor adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Boikiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor kepada empat buah universiti di negara ini iaitu UBD, UNISSA, UTB dan KUPU SB, pada 5 Ogos 2021.

Sejak pelaksanaannya pada tahun 2021, Piala Canselor dihasrat akan dapat memupuk pembangunan sukan, persaingan dan persatuan antara universiti dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.
 Di samping itu, Piala Canselor juga memfokuskan mengenai usaha kerjasama antara pemimpin universiti dan Majlis Perwakilan Pelajar masing-masing, yang diterajui oleh UTB sebagai tuan rumah 2021, untuk menganjurkan, melaksanakan pertandingan dalam format dan aspek fizikal sukan, bukan sukan, intelektual dan juga budaya.

Juga hadir pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman; Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Dr. Chin Wei Keh dan Awang Adi Rani Sofian bin Abdul Rahman bagi mewakili Ra'ies KUPU SB.
 Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Piala Canselor 2022 dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UTB 2022 / 2023, Dayang Ummi Salamah binti Haji Mohammad Firdaus.